



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

LAWATAN KERJA RASMI YB TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA KE PROJEK PEMBINAAN KOMPLEKS BANGUNAN GUNASAMA PERSEKUTUAN (BGP) KUCHING, SARAWAK (TENDER SEMULA)

KUCHING, SARAWAK – YB Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya hari ini telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke tapak Projek Pembinaan Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP) Kuching bagi meninjau status kemajuan fizikal projek serta memastikan pelaksanaannya berjalan mengikut jadual yang ditetapkan.

2. Projek bernilai RM140.79 juta ini dilaksanakan secara Reka dan Bina oleh kontraktor yang dilantik iaitu Eastbourne Corporation Berhad, bermula pada 29 November 2024. Pasukan Projek Khas 2, Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia bertindak sebagai Agensi Pelaksana bagi projek ini.

3. Projek ini telah diluluskan pembinaannya dalam Rolling Plan Ke-4 (RP4), Tahun 2020, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) di atas tapak seluas 10 ekar. Skop projek merangkumi pembinaan Bangunan Pejabat Utama yang meliputi ruang kerja serta ruang operasi dan sokongan; Kemudahan Gunasama seperti lobi utama bangunan, bilik mesyuarat gunasama, ruang temuduga, taska dan tabika, ruang komersial, surau berkapasiti 100 jemaah serta Dewan Serbaguna berkapasiti 750 orang. Turut disediakan ialah bangunan sokongan seperti pondok pengawal, rumah sampah dan bangunan pencawang elektrik dan mekanikal, selain kerja-kerja mekanikal dan elektrik serta kerja luaran meliputi jalan, tempat letak kereta dan laluan pejalan kaki berbumbung.

4. Sehingga kini, status kemajuan fizikal projek telah mencapai 17.03%, iaitu mendahului jadual asal sebanyak 5.59% bersamaan 134 hari lebih awal. Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai Agensi Pelaksana bersama Eastbourne Corporation Berhad selaku

kontraktor utama komited memastikan projek ini disiapkan dalam tempoh kontrak yang ditetapkan iaitu pada 28 November 2028.

5. Apabila siap kelak, kompleks ini bakal menempatkan 25 agensi dan jabatan Persekutuan yang ketika ini masih menyewa di premis swasta serta menumpang di bangunan milik Kerajaan Negeri. Inisiatif ini sekali gus akan memusatkan pelbagai perkhidmatan Kerajaan Persekutuan di bawah satu bumbung, sekali gus memudahkan urusan rakyat khususnya di Kuching dan kawasan sekitarnya.

6. Kementerian Kerja Raya (KKR) akan terus memantau rapi prestasi kontraktor melalui laporan kemajuan berkala bagi mengelakkan sebarang kelewatan atau risiko projek sakit. Dalam masa yang sama, projek ini turut menekankan penggunaan teknologi Industrialised Building System (IBS) pada tahap tidak kurang daripada 70 peratus, melibatkan komponen seperti Autoclaved Aerated Concrete (AAC), precast beam dan precast slab. Selain itu, pihak kontraktor juga telah bersetuju melaksanakan projek ini menggunakan Building Information Modelling (BIM) sehingga Level of Detail (LOD) 400 tanpa pertambahan kos.

7. KKR yakin dengan komitmen Pasukan Projek Khas 2, Jabatan Kerja Raya Malaysia bersama pihak kontraktor dalam memastikan projek ini dilaksanakan dengan lancar. Selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI yang menekankan kecekapan penyampaian perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat, KKR akan terus memperkukuh pemantauan bagi memastikan projek disiapkan mengikut spesifikasi, tempoh masa dan kos yang ditetapkan, sekali gus memberi manfaat kepada rakyat khususnya di Sarawak.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
18 MAC 2026

#KKR
#KearahKesejahteraanRakyat
#KerajaanMADANI
#MADANIBekerja
#KerajaanMADANIrakyatdisantuni